

# AIA ambil berat isu kesihatan mental pekerja

**AIA** Malaysia melihat semakin ramai tenaga kerja terpaksa bergelut dengan masalah kesihatan mental yang telah diburukkan lagi oleh pandemik.

Sehubungan itu, ia memperkenankan penyelesaian kesihatan mental yang pertama di negara ini menerusi kerjasama dengan ThoughtFull.

Ketua Pegawai Penyelesaian Korporat AIA, Tung Hsiao Ley, berkata langkah bersama itu sebagai sebahagian daripada usaha kumpulan membantu organisasi menangani masalah kesihatan mental di tempat kerja dengan lebih baik.

Beliau berkata, penyelesaian baharu itu membolehkan majikan memberikan penjagaan lebih baik dan sokongan hujung

ke hujung untuk kesejahteraan mental pekerja mereka.

“Masalah kesihatan mental bukan sahaja memudaratkan kesejahteraan emosi individu itu, tetapi turut menjejaskan produktiviti.

“Organisasi perlu memainkan peranan lebih aktif dalam menangani masalah kesihatan mental di tempat kerja,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

## **Khidmat ‘WorkWell with AIA’**

Penyelesaian kesihatan mental baharu itu adalah sebahagian daripada WorkWell with AIA, satu bahagian di bawah Penyelesaian Korporat Menyeluruh kumpulan.

WorkWell with AIA menawarkan pelbagai penyelesaian dan

perkhidmatan bagi membimbing organisasi yang ingin memupuk dan meningkatkan kesejahteraan pekerja.

Hsiao Ley berkata, kelaziman masalah kesihatan mental terus mencatatkan peningkatan sehingga ia boleh menjejaskan setiap aspek kehidupan individu terutama di tempat kerja.

Beliau berkata, kajian oleh Relate Malaysia mendapati pada 2018, seramai 4.57 juta orang dewasa yang bekerja mengalami masalah kesihatan mental dengan 29 peratus daripada pekerja menunjukkan tahap kesihatan mental sangat rendah.

Tinjauan Tempat Kerja Paling Sihat di Malaysia oleh AIA Vitality pada 2019 pula, katanya mendapati semakin ramai tenaga

kerja di Malaysia tidak mendapat tidur secukupnya dan kerja secara berlebihan.

Katanya, 51 peratus daripada mereka mengalami sekurang-kurangnya satu dimensi tekanan atau stres berkaitan kerja dan 53 peratus mendapat tidur kurang daripada tujuh jam sehari.

Sebagai salah satu daripada penyedia insurans manfaat pekerja terbesar Malaysia, AIA bermatlamat menyediakan penyelesaian yang serba lancar bagi meningkatkan tahap kesejahteraan mental di syarikat.

“Kami juga ingin menghapuskan stigma dan mewujudkan ruang yang selamat di tempat kerja bagi menggalakkan perbincangan berkaitan kesihatan mental,” katanya.